



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

MATEMATIK

TAHUN 6

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujikaji bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujikaji ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujikaji.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 1.0 Nombor Bulat dan Operasi Asas**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Aplikasi sebarang nombor	(i) Mewakikan penggunaan kalkulator bagi menyelesaikan pengiraan termasuk pembundaran dan pola nombor.	-	-
1.2 Nombor perdana	(i) Mengenal pasti nombor perdana dalam lingkungan 100.	-	-
1.3 Nombor hingga tujuh digit	(i) Membaca, menyebut dan menulis sebarang nombor hingga tujuh digit dalam perpuluhan juta yang melibatkan situasi harian. (ii) Membaca, menyebut dan menulis sebarang nombor hingga tujuh digit dalam pecahan juta yang penyebutnya 2, 4, 5, 8 dan 10 yang melibatkan situasi harian. (iii) Menukar nombor dalam perpuluhan dan pecahan juta kepada nombor bulat dan sebaliknya.	(iv) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan nombor bulat, perpuluhan dan pecahan bagi operasi tambah, tolak, darab, bahagi dan operasi bergabung termasuk penggunaan anu dalam situasi yang diberi.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 2.0 Pecahan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Darab pecahan	(i) Mendarab sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bercampur.	-	-
2.2 Bahagi pecahan	(i) Membahagi sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bulat.	-	-
2.3 Penyelesaian masalah melibatkan pecahan	-	(i) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan pendaraban dan pembahagian pecahan.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 3.0 Perpuluhan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Operasi bergabung perpuluhan	(i) Mendarab dan membahagi perpuluhan dengan nombor bulat dan perpuluhan, hasilnya hingga tiga tempat perpuluhan melibatkan situasi harian.	-	-
3.2 Penyelesaian masalah melibatkan perpuluhan	-	(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan operasi bergabung perpuluhan dan hasilnya hingga tiga tempat perpuluhan.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 4.0 Peratus**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Penyelesaian masalah melibatkan peratus	-	(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan simpanan dan pelaburan.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: NOMBOR DAN OPERASI**Tajuk: 5.0 Wang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Penyelesaian masalah melibatkan wang	(i) Menyatakan maksud untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, bil, invois, rebet, aset dan liabiliti, faedah dan cukai perkhidmatan.	(ii) Menyelesaikan masalah harian melibatkan untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, bil, invois, rebet, aset dan liabiliti, faedah dan cukai perkhidmatan.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 6.0 Masa dan Waktu**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
6.1 Sistem 24 jam	(i) Hubungan antara sistem 12 jam dengan sistem 24 jam.	-	-
6.2 Tempoh masa	(i) Mengira tempoh masa dalam sebarang unit masa.	-	-
6.3 Penyelesaian masalah melibatkan masa	-	(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan masa termasuk zon masa.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 7.0 Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
7.1 Penyelesaian masalah melibatkan panjang, jisim dan isi padu cecair	-	(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan panjang, jisim dan isi padu cecair.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: SUKATAN DAN GEOMETRI**Tajuk: 8.0 Ruang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
8.1 Sudut	(i) Melukis bentuk poligon hingga lapan sisi pada petak segi empat sama dan segi tiga sama sisi serta mengukur sudut-sudut yang terbentuk. (ii) Menyatakan ciri-ciri poligon.	-	-
8.2 Bentuk dua dimensi		(i) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan perimeter dan luas gabungan bentuk dua dimensi.	-
8.3 Bentuk tiga dimensi	-	(i) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan luas permukaan dan isi padu gabungan bentuk tiga dimensi.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: PERKAITAN DAN ALGEBRA**Tajuk: 9.0 Koordinat**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
9.1 Mengaplikasi koordinat pada sukuan pertama	(i) Menentukan jarak mengufuk dan jarak mencancang antara dua titik.	-	-

BIDANG PEMBELAJARAN: PERKAITAN DAN ALGEBRA**Tajuk: 10.0 Nisbah dan Kadaran**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
10.1 Nisbah dan kadaran	(i) Mewakikan nisbah dua kuantiti dalam bentuk $a : b$ atau $\frac{a}{b}$, yang melibatkan nisbah: a) bahagian kepada bahagian, b) bahagian kepada keseluruhan, dan c) keseluruhan kepada bahagian.	(ii) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan nisbah dan kadaran yang mudah.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN**Tajuk: 11.0 Pengurusan Data**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
11.1 Data	(i) Mentafsir data dari piktograf, carta palang dan carta pai.	(ii) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan: a) mod, median, min dan julat b) piktograf, carta palang dan carta pai bagi sekumpulan data.	-

BIDANG PEMBELAJARAN: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN**Tajuk: 12.0 Kebolehjadian**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
12.1 Kebolehjadian	(i) Menyatakan sama ada suatu peristiwa dalam kehidupan harian yang mungkin berlaku atau tidak mungkin berlaku. (ii) Menyatakan kebolehjadian suatu peristiwa sebagai mustahil, kecil kemungkinan, sama kemungkinan, besar kemungkinan atau pasti.	-	-

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**